

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	2 APRIL 2015

Dibuat ikut fatwa, berdasarkan kajian menyeluruh lebih 35 tahun - Najib

Pelaksanaan GST Malaysia halal

um - 2/4/2015

Oleh **AZMAN IBRAHIM**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 APRIL

PELAKSANAAN cukai barang dan perkhidmatan (GST) di negara ini adalah halal dan mengikut fatwa, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, GST Malaysia dibuat berdasarkan kajian yang menyeluruh dan teliti serta mengambil masa lebih 35 tahun.

Katanya, kerajaan juga membuat keputusan dengan menstrukturkan semula sistem cukai berkenaan berbanding sistem percukaian GST yang dilaksanakan di negara-negara lain.

PELAKSANAAN CUKAI BARANG & PERKHIDMATAN



gst.customs.gov.my

"GST di negara ini akan mengecualikan cukai bagi banyak barang dan perkhidmatan seperti air dan barangan asas makanan.

"Perkara ini merupakan berita gembira untuk industri halal apabila kebanyakan bahan-bahan kandu-

ngan seperti ikan, daging, hasil ternakan, sayur-sayuran diberi kadar sifar GST," katanya ketika berucap merasmikan Sidang Kemuncak Halal Sedunia (WHS) 2015 di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Yang Dipertua Dewan Negara, Senator Tan Sri Abu Zahar Ujang; Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha dan Pengerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Datuk Noraini Ahmad.

WHS 2015 berlangsung selama empat hari bermula hari ini.

Sementara itu, Perdana Menteri

berkata, pensijilan dan logo halal Malaysia kini diiktiraf dan diterima secara universal.

Katanya, kerajaan turut membangunkan 13 piawaian untuk industri halal bagi menepati kayu pengukur antarabangsa.

"Satu pencapaian yang signifikan untuk Malaysia adalah dengan menggunakan MS1500:2004 sebagai satu piawaian halal antarabangsa yang diiktiraf Codex Alimentarius Commission, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Piawaian ini adalah satu daripada rujukan halal di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang menyediakan garis panduan dan diiktiraf antarabangsa dalam

pelabelan produk-produk makanan," katanya.

Tambah Najib, industri halal yang berkembang kini menjadi relevan untuk negara-negara ASEAN yang kedudukannya terletak di Asia Pasifik dengan 62 peratus daripadanya merupakan penduduk Islam dunia.

Katanya, sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun ini, Malaysia berminta untuk menggalakkan promosi dan pembangunan industri halal di rantau ini.

"Tiada lagi alasan kenapa ASEAN tidak boleh menjadi pusat dagangan halal yang mampu menyediakan keperluan pasaran di dalam dan di luar negara," katanya.



4422807 BUNYI D-DISH-1/2MM	2.49
3102402 COLABE DASH KEB 78	10.82
2254409 KULO SIAL BERKIDUNG	12.98
2081804 JOSEFINE PINEAPPLE PC	3.98
2030804 COCONUT-TOP-CUT (PC)	3.69
4033203 FINEBRAIN WHEEL - H	2.80
SUBTOTAL	38.67
STRA	38.67
100%	100.00
ADJUSTMENTS	0.92
CHANGE DUE	61.35
TOTAL CHARGES FOR TODAY 1.67	
12.16	0.90

NAJIB TUN RAZAK memuat naik gambar resit pembelian beliau yang memaparkan perbezaan barangan berkadar standard dan GST.